

MAJLIS TILAWAH AL QURAN

Norazian Mohamed Noor (Pensyarah)

Majlis Tilawah Al Quran yang merupakan acara tahunan yang dianjurkan UniMAP bersempena Ramadhan Al Mubarak, sekali lagi tiba. Kali ini, PPKAS dan PPK Bioproses telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan majlis ini. Pada tanggal 16 September bersamaan 16 Ramadan, majlis tilawah Al Quran peringkat akhir telah berlangsung.

Semua pusat pengajian telah menghantar wakil bagi menyertai acara tahunan ini. Pertandingan telah dibahagikan kepada empat kategori iaitu qari dan qariah kanak-kanak (di bawah 15 tahun) dan qari dan qariah dewasa. Pertandingan bagi dua kategori kanak-kanak diadakan sehari sebelum pertandingan akhir bagi memendekkan masa pertandingan.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Senarai pemenang-pemenang bagi keempat-empat kategori diberikan di bawah. Majlis tersebut berakhir pada jam 2.00 petang.

Kategori Staf (Qari)

| Kedudukan | Qari | Jabatan |
|------------|---------------------------|----------------|
| Johan | Muhammad Ikbal b. Azudin | PPK Mekatronik |
| Naib Johan | Ahmad Anas Nagoor Gunny | PPK Bioproses |
| Ketiga | Mohd Irhamuddin b. Mansor | Jab. HEP |

Kategori Staf (Qari'ah)

| Kedudukan | Qari'ah | Jabatan |
|------------|-------------------------------|------------------|
| Johan | Nor Afifah bt. Mohd. Shabudin | Pendaftar |
| Naib Johan | Nor Adilah bt. Mohd. Shabudin | Pendaftar |
| Ketiga | Maisarah bt. Samsukamri | Unit Agama Islam |

Kategori Anak-anak Staf (Qari)

| Kedudukan | Qari | Jabatan |
|------------|-------------------------------|---------------|
| Johan | Muhd Faisal b. Mohd. Shabudin | Pendaftar |
| Naib Johan | Mohd Azfar Zulkifli | PPK Pembuatan |
| Ketiga | Mohd Afiq b. Mohd Azlan | PPK Bioproses |

Kategori Anak-anak Staf (Qari'ah)

| Kedudukan | Qari'ah | Jabatan |
|------------|-------------------------------|---------------|
| Johan | Nor Farhana b. Mohd. Shabudin | Pendaftar |
| Naib Johan | Nor Iffah bt. Mohd Azlan | PPK Bioproses |
| Ketiga | Siti Sarah bt. Abdul Hallis | PPK Bioproses |

